

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 MAC 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 34

### Permintaan tinggi menyimpan data

Oleh Hazwan Faisal  
Mohamad  
bisnes@hmetro.com.my

Petaling Jaya

**A**mazon Web Services (AWS) memilih Malaysia untuk membuka kemudahan serantau baharunya bagi memenuhi permintaan tinggi pelanggan besar di negara ini yang memerlukan infrastruktur tambahan bagi menyimpan data.

Antara pelanggan AWS di Malaysia termasuk Petronas, Axiata Group, Bank Islam Malaysia, CelcomDigi, Johor Corporation dan PayneNet.


Selain itu, terdapat organisasi sektor awam tempatan yang menjadi pelanggan AWS termasuk Cybersecurity Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Pengarah Urusan Serantau Sektor Awam Seluruh Dunia di Asean AWS, Eric Conrad berkata, pelanggan menyatakan keperluan infrastruktur tambahan berkenaan bagi menyokong keperluan perniagaan masing-masing.

Katanya, AWS melihat pemecutan ketara dalam fasa pengadaptasian dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Malah, permintaan daripada pelanggan yang mahu data mereka lebih dekat juga semakin meningkat dan terdapat kes ia (data lebih dekat) menjadi syarat keperluan."

"Jadi, kami mengikuti permintaan mereka dan membuat penetapan bahawa ini waktu sesuai melabur dalam infrastruktur di sini,"



NAIB Presiden AWS, Mai-Lan Tomsen Bukovec pada program Kemas Kini Utama Perniagaan: AWS Malaysia.

# PERMIINTAAN TINGGI MENYIMPAN DATA

*AWS pilih Malaysia buka kemudahan serantau baharunya*

katanya pada taklimat media Kemas Kini Utama Perniagaan: AWS Malaysia di sini, semalam.

Infrastruktur serantau AWS baharu itu memberi pengembangan, pemula, usahawan dan perusahaan, serta kerajaan, pendidikan dan organisasi tidak berdasarkan keuntungan, pilihan lebih baik untuk menjalankan aplikasi mereka dan memberi

perkhidmatan kepada pengguna akhir daripada pusat data di Malaysia.

Sementara itu Naib Presiden Perkhidmatan Infrastruktur di AWS, Prasad Kalyanaraman berkata, infrastruktur serantau baharu AWS itu mencerminkan komitmen mendalam dan jangka panjang mereka kepada pelanggan dan organisasi di negara ini.

Katanya, ia juga komitmen AWS untuk melayani permintaan besar dan berkembang pesat bagi perkhidmatan awan di seluruh Asia Tenggara.

"Kami berbangga untuk menyokong transformasi digital Malaysia dengan tahap keselamatan dan kebolehpercayaan tertinggi yang tersedia pada infrastruktur awan AWS.

"Kami berharap dapat membantu institusi, syarikat permulaan dan syarikat Malaysia menyampaikan aplikasi berkuda awan untuk memacu pembangunan ekonomi di seluruh negara dan merangsang penciptaan pekerjaan, latihan kemahiran dan peluang pendidikan dalam komuniti di sekitar pusat data kami," katanya.